

Ruj. Kami : CAAM.HQ.500(S)-2/23.10 (7)  
Tarikh : 7 September 2022



**PEGAWAI DI SKIM PERKHIDMATAN  
JURUTERBANG,  
PEMERIKSA KAPAL TERBANG DAN  
PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA  
PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA**

YBrs. Kapten/Tuan/ Puan,

**URUSAN PERTIMBANGAN PEMANGKUAN JAWATAN TIMBALAN KETUA  
PEGAWAI EKSEKUTIF (KAWAL SELIA) GRED UTAMA C DI PIHAK BERKUASA  
PENERBANGAN AWAM MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan akan melaksanakan Urusan Pemangkuan bagi Jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia) Gred Utama C.
3. Sehubungan itu, Bahagian ini menjemput dan mengalu-alukan pegawai di skim perkhidmatan Juruterbang, Pemeriksa Kapal Terbang Dan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred 54 yang berminat untuk memohon bagi urusan yang disebutkan di atas. Selain itu, tawaran juga terbuka kepada para pegawai di bawah skim perkhidmatan yang sama iaitu Juruterbang, Pemeriksa Kapal Terbang Dan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred 52 yang berminat untuk mengisi jawatan tersebut. Perkara ini adalah selaras dengan penetapan di peringkat Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC) supaya memberi peluang kepada pegawai – pegawai yang berpotensi untuk turut dipertimbangkan.
4. Syarat-syarat permohonan urusan pemangkuan ini juga hendaklah memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Markah LNPT tahun terkini dan wajaran LNPT bagi **tiga (3)** tahun terkini tidak kurang 80%;
  - ii. Lulus Tapisan Keutuhan SPRM;
  - iii. Telah Isytihar Harta tempoh 5 tahun terkini (Berdasarkan Peraturan Berkuatkuasa);
  - iv. Bebas daripada Tindakan atau Hukuman Tatatertib; dan
  - v. Bebas disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
  - vi. Tidak hilang kekananan – jika pegawai cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji kecuali cuti belajar yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan.
5. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan lampiran-lampiran seperti di pautan yang disediakan <https://cloud.caam.gov.my/index.php/s/zIEiqAH3fFpRNTv> dan mengemukakan maklumat-maklumat yang telah lengkap ke Unit Sumber Manusia, BKP sebelum atau pada **12 September 2022**. Semua permohonan yang telah diterima akan ditapis bagi memastikan calon memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti di Para 4. Permohonan seterusnya akan dibawa ke **Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran**, Pihak Berkuasa Penerangan Awam bagi urusan temuduga yang akan dilaksanakan pada **19 September 2022**. Format temuduga boleh dirujuk seperti di **Lampiran E**.
6. Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu untuk memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat seperti di atas sahaja dikemukakan kepada Bahagian ini. Selain itu, PTJ juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak YBrs. Kapten/Tuan/ Puan boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan di proses.
7. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan urusan pemangkuhan ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- a) Pn. Fatin Shahirah Binti A Rashid: [shahirah.rashid@caam.gov.my](mailto:shahirah.rashid@caam.gov.my)
- b) Pn. Nur Amalina Binti Ibrahim: [amalina@caam.gov.my](mailto:amalina@caam.gov.my)

8. Segala kerjasama dan perhatian dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DG. SITI NOOR JEHAN BINTI AG. MOHD SAUFI)**

Pengarah Khidmat Pengurusan  
b.p Ketua Pegawai Eksekutif  
Pihak Berkuasa Penerangan Awam Malaysia

**URUSAN PERTIMBANGAN PEMANGKUAN JAWATAN  
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (KAWAL SELIA) GRED UTAMA C  
DI PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA**

---

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam akan melaksanakan proses pemangkuhan bagi **Jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia) Gred Utama C**. Proses pemangkuhan ini selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Urusan Pemangkuhan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2022).

Pegawai akan dinilai berdasarkan 2 komponen utama iaitu **Kompetensi Generik** dan **Kompetensi Fungsian** selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2022), iaitu:

- A. Kompetensi Generik iaitu ciri-ciri kepimpinan yang perlu dimiliki oleh semua pegawai Perkhidmatan Awam, di mana tahap bagi setiap satunya adalah mengikut gred perjawatan pegawai berkenaan sebagaimana Kerangka Kompetensi Kepimpinan Perkhidmatan Awam (KKPA); dan
- B. Kompetensi Fungsian yang merujuk kepada kemahiran, keupayaan dan pengetahuan khusus yang diperlukan untuk menyempurnakan tugas yang dipertanggungjawabkan berdasarkan deskripsi tugas di sesuatu jawatan

Bagi memastikan proses pemangkuhan dilaksanakan mengikut tatacara yang berkuatkuasa, asas pertimbangan perakuan pemangkuhan seseorang pegawai adalah berdasarkan merit dengan mengambil kira:

- (a) kecekapan dan prestasi kerja pegawai;
- (b) kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai;
- (c) sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaianya dengan jawatan kenaikan pangkat, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai; dan
- (d) kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada masyarakat dan negara.

Pihak CAAM menetapkan sesi temuduga akan dilaksanakan sebagai kaedah untuk menilai kebolehan dan potensi pegawai untuk proses pemangkuan Jawatan Sesi temuduga akan menilai 3 elemen seperti berikut:

**BAHAGIAN 1: KOMPETENSI GENERIK - KEPIMPINAN (*LEADERSHIP*)**

Bahagian ini menilai kualiti bakat kepimpinan pegawai. Pegawai diminta untuk menjelaskan ciri dan nilai kepimpinan yang dimiliki dan metodologi serta budaya yang akan diterapkan dalam melaksanakan tanggungjawab di jawatan yang dimohon.

**BAHAGIAN 2: KOMPETENSI FUNGSIAN - KOMPETENSI TEKNIKAL (*TECHNICAL COMPETENCY*)**

Bahagian ini menilai tahap kompetensi dan pengetahuan teknikal pegawai. Pegawai akan diberikan 1 set soalan teknikal yang berkaitan dengan jawatan yang dimohon.

**BAHAGIAN 3: KOMPETENSI GENERIK - VISI DAN MISI (*VISION AND MISSION*)**

Bahagian ini menilai kebolehan pegawai dalam menetapkan halatuju Bahagian selari dengan visi dan misi CAAM serta kemahiran mengurus perubahan (*change management*) dan usaha-usaha transformasi. Pegawai akan minta untuk menerangkan halatuju yang ingin dicapai dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang untuk penambahbaikan dalam melaksanakan tugas di jawatan yang dimohon.

**Peraturan am:**

- Sesi temuduga akan dilaksanakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
- Setiap calon diberikan 5 minit untuk pembentangan dan 30 minit untuk sesi soal jawab
- Pegawai dibenarkan menyediakan bahan/ dokumen untuk membantu pembentangan

**Rujukan:**

1. <https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2022/sm/DPSM.pdf>
2. <https://docs.jpa.gov.my/docs/myppsm/PPSM/UP/Pemangkuan-dan-kenaikan-pangkat/>